

0992

U 8752 AAB  
(ULANGAN)  
MAHATHIR - GSP

ARAU, 25 JUN (BERNAMA) - PERDANA MENTERI YAKIN BAHAWA USAHA KERAJAAN UNTUK MEMPERTAHANKAN SISTEM KEUTAMAAN A M (GSP) DARIPADA DITARIK BALIK OLEH KERAJAAN AMERIKA SYARIKAT AKAN BERHASIL SEKIRANYA USAHA ITU TURUT DISOKONG OLEH PARA PEKERJA DAN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA TEMPATAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, BAGAIMANAPUN USAHA ITU AKAN GAGAL JIKA ADA PEMIMPIN DAN KESATUAN SEKERJADI MALAYSIA MEMINTA AMERIKA SUPAYA BERBUAT DEMIKIAN.

BELIAU MENASIHATI PARA PEKERJA SUPAYA BERWASPADA AGAR MEREKA TIDAK MENJADI ALAT KEPADA ORANG LUAR YANG MENGHASUT MEREKA MELANCARKAN MOGOK KERANA PERBUATAN ITU MERUGIKAN MEREKA SENDIRI DARIPADA SEGI JANGKA PANJANG APABILA KILANG-KILANG TERPAKSA MENUTUP PERUSAHAAN MEREKA.

SIKAP PRESIDEN DAN SETIAUSAHA AGUNG MTUC, ENCIK ZAINAL RAMPAK DAN ENCIK V. DAVID MENGENAI ISU INI MERUCIKAN KAUM PEKERJA, TEGASNYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENYAMPAIKAN AMANAT KEPADA 8,000 PEMIMPIN DAN PEKERJA PILIHAN RAYA UMNO PERLIS DI SINI HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG BERDAULAT DAN MERDEKA HARUS MENGUBAL PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG BURUHNYA SENDIRI DAN BUKAN MENERIMA ARAHAN DARI LUAR. -- LAGI.  
2009MST 25 06 9 0

0994

U B 7 5 3 AAB  
MAHATHIR - GSP 2 ARAU

APABILA DITANYA MENGENAI TINDAKAN YANG AKAN DIAMBIL OLEH KERAJAAN TERHADAP ENCIK TERRY COLLINGSWORTH DARI TABUNG PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN HAK PEKERJA (LRERF) YANG MELAWAT NEGARA INI BARU-BARU INI HINGGA MENYEBABKAN PARA PEKERJA KILANG HITACHI DI BANGI, SELANGOR MELANCARKAN MOGOK, PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN TIDAK BOLEH BERBUAT APA-APA DARIPADA SEGI UNDANG-UNDANG.

KATANYA, MEREKA (PEMIMPIN KESATUAN BURUH LUAR) MEMANG BIJAK MENJALANKAN TINDAKAN MEREKA, TETAPI YANG PENTING IALAH PARA PEKERJA NEGARA INI JANGANLAH TERPERANGKAP DENGAN HASUTAN MEREKA.

MENURUT PERDANA MENTERI, PARA PEMIMPIN BURUH ASING TERUTAMA DARI NEGARA MAJU PANDA1 BERTINDAK MENGHASUT PEKERJA-PEKERJA NEGARA LAIN SUPAYA MENUNTUT KENAIKAN GAJI YANG KONONNYA TIDAK BERPATUTAN DAN MELANCARKAN MOGOK SUPAYA BARANGAN KELUARAN NEGARA BERKENAAN MENGHADAPI KOS PENGELUARAN YANG TINGGI HINGGA HILANG DAYA SAINGAN BERBANDING DENGAN BARANGAN KELUARAN NEGARA MEREKA.

KATANYA, INI TERNAYATA BERJAYA MEREKA LAKUKAN DENGAN MENGHASUT PARA PEKERJA KOREA SELATAN MOGOK DAN MENYEBABKAN PERUSAHAAN NEGARA ITU LUHPUH DAN DENGAN DEMIKIAN MEREKA DAPAT MEHASARKAN BARANGAN NEGARA MEREKA, MENGUNTINGKAN PEKERJA HEREKA DAN MERUGIKAN PEKERJA KOREA SENDIRI.

BELIAU BERKATA, USAHA HENDAK MENUBUHKAN KESATUAN KEBANGSAAN BAGI PARA PEKERJA KILANG ELEKTRONIK OLEH PARA PEHIMPIN KESATUAN TERTENTU ADALAH KERANA PEMIHPIN BERKENAAN INGINKAN WANG YANG BANYAK UNTUK DIJADIKAN SUMBER KEWANGAN POLITIK HEREKA. -- LAGI.

2013HST 25 06 90

0995

UB754 A A B  
MAHATHIR - G S P 3 ARAU

**BELIAU MENASIHATI PARA PEKERJA TEMPATAN SUPAYA MEMIKIRKAN KEPENTINGAN JANGKA PANJANG, JANGAN MENUNTUT GAJI TERLALU TINGGI KERANA PERBUATAN ITU AKAN MENAKUTKAN PARA PELABUR.**

**+APABILA PARA PELABUR MENINGGALKAN NEGARA INI BUKAN SAHAJA PARA PEKERJA YANG ADA AKAN MENGGANGUR BAHKAN ORANG LAIN JUGA YANG Mencari PEKERJAAN TIDAK BERPELUANG MENDAPAT KERJA,+ KATANYA.**

**KATANYA, RAMAI PARA PENUSAHA TAIWAN DAN KOREA SELATAN MELABUR DI NEGARA INI KERANA KOS BURUHNIA YANG RENDAH. JIKA PEKERJA MENUNTUT GAJI TERLALU TINGGI, PARA PELABUR ASING AKAN MELABUR DI NEGARA-NEGARA LAIN.**

**BELIAU MENAMBAH KATA, PADA MASA INI, RAMAI PEKERJA DARI PERUSAHAAN TEKSTIL LARI BEKERJA DI KILANG-KILANG ELEKTRONIK KERANA GAJI LEBIH TINGGI, PADA HAL JIKA SYARIKAT MENDAPAT UNTUNG, GAJI PEKERJA JUGA AKAN NAIK WALAU DI MANA SEKALIPUN MEREKA BEKERJA.**

**PERDANA MENTERI MENASIHATI PARA PEKERJA SUPAYA TIDAK TERMAKAN HASUTAN PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DAN DARI LUAR NEGERI YANG BERSELINDUNG DI SEBALIK TINDAKAN MEMBELA PEKERJA TETAPI SEBENARNYA MEREKA HENDAK MENGHANCURKAN EKONOMI NEGARA. - - BERNAMA.**

2015MST 25 06 90